

Headline	Kesan gurisan di tangan
Date	04. Mar 2008
Media Title	Harian Metro
Section	Setempat
Circulation	336603
Readership	2192000
Language	MALAY
Page No	23
Article Size	357 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



Kesan gurisan di tangan



S HAH ALAM: Beberapa kesan gurisan dan kecederaan dapat dilihat di bahagian tangan serta lengan kedua-dua tertuduh dalam kes bunuh membabitkan pengaruh kilang plastik, Reyaz Ahamed Maruf, empat tahun lalu.

Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan Bangi, Nurazzah Lajis, 30, berkata dia diminta memeriksa tertuduh pertama, Shamim Bano Moham-mad Farooque, 38, dan Javeed Akhtar Abdul Waheed, 35, pada 10 November 2004 iaitu dua hari selepas mayat Reyaz ditemui.

Katanya, hasil pemeriksaan dilakukan mendapati ada kesan gurisan berukuran kira-kira satu sentimeter pada kedua-dua tangan Shamim dan kecederaan itu besar kemungkinan berpunca dari pada geseran.

Selain Shamim, ada kesan gurisan pada kedua-dua tangan Javeed, kesan gurisan luka mendatar pada sebelah lengan kiri dan jari kelingking kiri, selain tidak menolak ia berlaku akibat per-

gelutan dengan seseorang.

Dia yang menerima arahan untuk memeriksa Shamim dan Javeed daripada Sarjan Roslee Ishak, 41, dan Lans Koperal Merina Inggot dari Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang, turut mengambil sampel darah tertuduh.

Saksi pendakwaan ke-16 itu yang juga graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata demikian ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Salim Soib berhubung laporan perubatan disediannya terhadap kedua-dua tertuduh yang dilakukannya di Hospital Kajang.

SALIM: Apakah sebab kecederaan dalam Javeed pada jari kelengkeng?

NURAZZAH: Ia tidak seperti disebabkan benda tajam.

SALIM: Boleh kemungkinan ia disebabkan kesan gigitan?

NURAZZAH: Boleh sebab kecederaan itu nampak bergerigi.

SALIM: Berapa lama tempoh kecederaaan?

NURAZZAH: Nampak ba-

ru dan lebih kurang dua hari.

SALIM: Selain tiga kecederaan dialami Javeed ada nampak kecederaan lain?

NURAZZAH: Saya tidak nampak kecederaan lain.

SALIM: Pernah kamu merawat pesakit lain sebelum ini berkaitan kecederaan dialami kedua-dua tertuduh?

NURAZZAH: Pernah.

SALIM: Berapa kali?

Language **MALAY**
Page No **23**
Article Size **357 cm²**
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



TUNDUK...Shamim (kiri) dan Javeed ketika diiringi polis ke Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.

NURAZZAH: Dua atau ti-

ga kali.

SALIM: Boleh kamu be-

ritahu dengan pasti ataupun

tidak, kecederaan pada jari

kelengkeng kiri Javeed di-

sebabkan gigitan?

NURAZZAH: Ya pasti.

SALIM: Atas dasar apa ka-

mu pasti?

NURAZZAH: Sebab luka

tidak berapa dalam dan ber-

gerigi.

SALIM: Adakah kamu bo-

leh ketepikan ia disebabkan

benda tajam?

NURAZZAH: Boleh.

SALIM: Ketika disoal balas

pegum bela berhubung la-

poran pemeriksaan kamu,

mengapa kamu tidak menulis

kecederaan disebabkan giga-

tan?

NURAZZAH: Ketika itu

saya tidak pasti bagaimana

hendak menggambarkannya.

Mengikut pertuduhan,

Shamim Bano dituduh ber-

sama-sama sepupunya ope-

rator mesin, Javeed mem-

bunuh suaminya, Reyaz di

nomor 20 Jalan G, Seksyen

4 Tambahan, Bandar Baru

Bangi, di sini.

Mereka didakwa melaku-

kan perbuatan itu antara jam 3 hingga 5 pagi pada 8 No-
vember 2004 dan didakwa
mengikut Seksyen 302 Ka-
num Keseksaan.

Jika sabit kesalahan
Shamim Bano dan Javeed,
masing-masing diwakili pe-
guam Kartar Singh dan J
Kuldeep Kumar, akan di-
hukum gantung sampai
mati.

Perbicaraan di hadapan
Hakim Datuk Zaharah Ib-
rahim bersambung 20 Mei
ini untuk hujahan di akhir
pendakwaan kedua-dua pi-
hak.